

17/04/1997

Pencapaian Melayu luar biasa

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pencapaian orang Melayu dan Bumiputera dalam semua bidang pada masa ini jauh lebih baik daripada yang dijangka kerana mereka mempunyai potensi serta kebolehan tinggi.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan mereka supaya jangan mendabik dada dengan kejayaan disifatkan luar biasa itu, sebaliknya perlu mengenang serta mengambil iktibar daripada kesengsaraan hidup orang Melayu sebelum merdeka.

Menurutnya, peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 memberi kesedaran kepada kerajaan untuk menggubal dasar, menyusun rancangan dan mewujudkan institusi yang ada kaitan dengan usaha membangunkan sosioekonomi orang Melayu ketika itu.

Ini termasuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan diteruskan melalui Dasar Pembangunan Negara (DPN).

"Hari ini di Malaysia, kita dapati pencapaian orang Melayu dan Bumiputera jauh lebih tinggi daripada yang dijangkakan. Kita tidak percaya bahawa kita boleh melihat kejayaan ini.

"Bagaimanapun, masih banyak yang perlu dibuat kerana negara sedang memasuki era teknologi maklumat. Kita ada potensi dan kebolehan untuk mencapai kejayaan seperti orang lain jika sanggup bekerja keras," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika merasmikan Ekspo Pencapaian Ekonomi Bumiputera yang dianjurkan sebagai acara kemuncak samputan ulang tahun ke-50 Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini petang ini.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail; menteri Kabinet serta perwakilan asing.

Ekspo itu dianjurkan Pergerakan Wanita Umno Malaysia dan majlis perasmianya turut disiarkan secara langsung ke seluruh dunia melalui Internet.

Perdana Menteri berkata, berikutan kejayaan itu, Malaysia kini menjadi tumpuan, terutama di kalangan negara membangun lain yang ingin mempelajari kaedah bagaimana kerajaan berjaya membangunkan kaum yang sebelum itu jauh ketinggalan sehingga mampu bersaing dengan bangsa lain di seluruh dunia.

"Mereka ingin tahu cara-cara yang kita lakukan supaya mereka juga dapat mengatasi masalah di negara mereka. Mungkin kita dapat memberi sedikit panduan kepada mereka, walaupun kita bukanlah pakar dalam bidang ini.

"Kita hanya mencapai sedikit kemajuan secara tidak dirancang ataupun cara tertentu sahaja kita sudah berjaya dalam usaha itu. Kadang-kadang kejayaan ini luar daripada jangkauan sehingga kita sendiri hairan kenapa ia boleh berjaya.

"Tetapi, hakikatnya ialah kita mempunyai kebolehan untuk mencapai kejayaan. Kita bukan harus tepuk dada dengan kejayaan itu, tetapi kita harus ingat usaha ini sebagai satu usaha yang boleh dibuat bukan satu yang tidak mempunyai harapan langsung," katanya.

Menurutnya, semangat dan pendirian orang Melayu sebelum merdeka sangat lemah dan tidak yakin boleh maju, sebaliknya lebih rela terus di bawah pemerintahan penjajah.

"Zaman dahulu sebelum merdeka, kita percaya bahawa kita tidak mungkin maju tetapi hari ini kita tahu kita mempunyai potensi dan kebolehan untuk mencapai kemajuan sama seperti orang lain," katanya.

Dr Mahathir yakin dengan kesedaran itu Bumiputera akan mampu menghadapi

cabaran alaf akan datang dengan hati lebih tenang.

Katanya, tujuan ekspo itu bukan untuk menunjuk-nunjuk tetapi sebagai satu ukuran kejayaan yang dicapai dalam masa 50 tahun.

Menurutnya, masih banyak cabaran perlu dilalui dan pembangunan yang perlu dilaksanakan terutama era teknologi maklumat.

"Tetapi saya yakin apabila kita melihat kejayaan ini, kita boleh mencapai kejayaan (pada masa depan) yang tidak kurang daripada apa yang sudah dicapai," katanya.

Ekspo 12 hari itu disertai lebih 130 syarikat dan institusi Bumiputera dalam 11 sektor, termasuk pertanian, perkapalan dan maritim, petrokimia, penerbangan, pendidikan, telekomunikasi, kewangan dan automotif.

Pada majlis yang sama Perdana Menteri melancarkan hompej ekspo iaitu <http://www.iweb.com.my/umno.htm>.

(END)